

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

PGT 321 – Teori-Teori Pembelajaran Kognitif

Masa : (3 Jam)

ARAHAN: Jawab mana-mana **tiga** soalan sahaja

1. Huraikan langkah-langkah untuk menjana pemikiran dayareka dan tunjukkan bentuk-bentuk pembelajaran yang terbina menerusi proses dayareka. Berikan dua strategi pembelajaran yang boleh dilaksanakan untuk menghasilkan rekaproduk ataupun rekaidea.
(100 markah)
2. Huraikan mengapakah dikatakan peranan perhatian amat penting di dalam kegiatan pemprosesan maklumat. Tunjukkan subproses-subproses yang mendasari proses perhatian. Berikan dua langkah kognitif yang boleh diambil oleh seseorang pelajar untuk mengekalkan perhatiannya kepada perkara yang hendak dipelajari.
(100 markah)
3. Proses perluasan dan penyusunan maklumat sentiasa diaktivasikan dalam kegiatan mengingat. Huraikan proses-proses tersebut berserta dengan contoh-contoh yang munasabah. Bincangkan satu cara bagaimana anda boleh menyampaikan sesuatu topik pelajaran supaya murid-murid anda dapat memanfaatkan sepenuhnya kesan positif proses penyusunan maklumat bagi membentuk ingatan yang jelas kepada pelajaran yang diajar.
(100 markah)
4. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah 'penyelesaian masalah'? Tunjukkan secara ringkas langkah-langkah yang terlibat di dalam proses penyelesaian-masalah. Pilih dua daripadanya dan cadangkan latihan-latihan yang boleh mempertingkatkan keupayaan melaksana langkah tersebut.
(100 markah)
5. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah 'skema pengetahuan' dan 'pemprosesan skema'? Tunjukkan secara ringkas berserta dengan contohnya bagaimana kegiatan pemprosesan skema menjadi dasar bagi kebanyakan proses kefahaman.
(100 markah)

- oo0ooo -

